



ATURAN PEMBIAYAAN AL MURABAHAH

KOPERASI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA BERHAD

**ATURAN PEMBIAYAAN AL MURABAHAH
KOPERASI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA BERHAD**

~~~~~

- Tajuk**                     1.    i.    Aturan ini dinamakan sebagai 'Aturan Pembiayaan Al Murabahah Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad'.
- ii.    Aturan ini diwujudkan di bawah Undang – Undang Kecil 45(2)(w) Koperasi dan berkuatkuasa selepas persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi.
- Tafsiran**                   2.    Di dalam aturan ini melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maksudnya, maka tafsiran berikut adalah digunakan:
- 'Koperasi'                     bermaksud Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad.
- 'Anggota'                     bermaksud anggota Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad.
- 'Penjamin'                    bermaksud anggota Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad yang mencarum berturutan dan menjamin anggota yang lain dalam perkara membuat pinjaman atau pembiayaan barangan.
- 'Lembaga'                     bermaksud Lembaga Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad.
- 'Al Murahabah'               bermaksud pembiayaan ke atas barangan sama ada melalui panel koperasi, barangan jualan yang terdapat dalam platform atas talian (*online*) seperti Lazada, Shopee dan kedai-kedai selain panel rasmi koperasi.
- Maksud**                    3.    i.    Bagi maksud Aturan-aturan ini, pembiayaan Al Murabahah merupakan pembiayaan yang dikeluarkan kepada anggota Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad untuk digunakan bagi pelbagai tujuan.
- Sumber Kewangan**        4.    Satu peruntukan daripada modal koperasi bolehlah dikhaskan bagi membiayai aktiviti ini yang mana hendaklah dikembangkan dari semasa ke semasa.
- Lembaga boleh, apabila kekurangan modal, mendapatkannya :-

- i. Dengan cara mengumpul syer, yuran, deposit, pinjaman atau simpanan khas daripada anggota dan
- ii. Melalui deposit atau pinjaman daripada bukan anggota dengan kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia menurut perenggan 50 (e), subseksyen 52(2) dan seksyen 52A Akta dan Peraturan

**Pentadbiran dan Pemantauan**

5. Aktiviti ini ditadbir oleh Jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga di bawah Undang-undang Kecil 44(2)(w) dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk memantau operasi ini dari semasa ke semasa.

**Syarat dan Kelayakan**

6. Lembaga melalui Mesyuarat Agung telah menetapkan bahawa syarat asas dan kelayakan untuk membuat pembiayaan bagi pemohon adalah:

- i. Mestilah terdiri daripada anggota Koperasi ini dan mempunyai jumlah syer yang ditetapkan (RM 1000.00).
- ii. Bagi anggota baru, layak untuk membuat pembiayaan dengan mengambil kira sebahagian dari pembiayaan iaitu sebanyak RM 1000.00 akan dimasukkan ke dalam modal syer.
- iii. Jumlah pembiayaan adalah tertakluk kepada kelayakan gaji pemohon dan pendapatan tambahan tidak melebihi jumlah maksimum RM60,000.
- iv. Tempoh pembiayaan tidak boleh melebihi tempoh persaraan.
- v. Jumlah potongan gaji tidak melebihi 60% daripada gaji anggota.
- vi. Surat rayuan beserta dokumen – dokumen sokongan seperti penyata punca pendapatan yang lain, penyata bank tiga (3) bulan terakhir dan penyata pendapatan pasangan hendaklah dikemukakan bersama – sama dengan borang pembiayaan apabila anggota memohon pinjaman melebihi daripada jumlah kelayakan.
- vii. Tempoh maksimum bayaran balik pembiayaan bagi anggota staf UTM berjawatan tetap adalah selama 10 tahun dan pembayaran akhir adalah 2 bulan sebelum tarikh persaraan.
- viii. Tempoh maksimum bayaran balik pembiayaan bagi anggota UTM berjawatan kontrak adalah tidak melewati tempoh kontrak.

- ix. Anggota yang telah bersara layak membuat pembiayaan Al Murabahah tidak melebihi RM 2,000.00. Cara bayaran balik pembiayaan adalah melalui 'arahan bank' (*Standing Instruction*) atau 'post-dated cheque' atau kaedah yang dipersetuju kedua-dua pihak.
- x. Kadar keuntungan adalah mengikut ketetapan Lembaga dari semasa ke semasa dan dimaklumkan kepada pemohon sebelum permohonan .
- xi. Pembiayaan bertindih dibenarkan dengan potongan gaji tidak melebihi 60%.
- xii. Barangan yang dibeli tidak dibenarkan ditukar dengan wang tunai dan jaminan atau waranti atas barang itu diberikan oleh pembekal luar.

**Syarat-syarat  
Penjamin**

**7.**

- i. Penjamin tidak diperlukan sekiranya jumlah pembiayaan termasuk lain-lain pembiayaan di koperasi tidak melebihi daripada jumlah modal yuran terkumpul dan modal syer
- ii. Hanya seorang (1) penjamin adalah memadai bagi pembiayaan berjumlah RM5,000.00 dan ke bawah manakala dua (2) orang penjamin diperlukan bagi pembiayaan melebihi RM5,001.00 ke atas.
- iii. Tiap-tiap penjamin akan bersama-sama atau berasingan bertanggungjawab di atas bayaran balik pembiayaan ini sepenuhnya.
- iv. Penjamin-penjamin itu hendaklah membiayai kesemua skim pembiayaan yang diberi kepada penghutang, jika penghutang tidak dapat membayar balik mengikut perjanjian yang telah dipersetujui dan setelah ditolak jumlah yang terjamin oleh simpanan khas atau yuran anggota itu tertakluk kepada syarat-syarat pengeluaran.
- v. Penjamin hendaklah terdiri dalam kalangan anggota koperasi.
- vi. Penjamin tidak dibenarkan menjamin melebihi tiga (3) orang anggota dalam satu masa.
- vii. Anggota Lembaga tidak dibenarkan menjamin semasa tempoh dalam jawatan sebagai Ahli Lembaga

- Permohonan**      **8**
- i. Semua permohonan pembiayaan Al Murabahah hendaklah dibuat di atas borang rasmi koperasi.
  - ii. Permohonan pembiayaan Murabahah hendaklah dihantar ke pejabat koperasi atau melalui email
  - iii. Pemohon hendaklah terlebih dahulu mengisi borang permohonan dengan lengkap beserta dokumen-dokumen yang diperlukan seperti salinan kad pemohon dan penjamin (bahagian depan dan belakang) serta penyata gaji dua (2) bulan terkini pemohon dan penjamin.
- Proses Borang Permohonan**      **9.**
- i. Semua borang permohonan akan diproses oleh Jawatankuasa Pembiayaan yang dilantik oleh Lembaga di bawah Undang-undang Kecil Koperasi.
  - ii. Dalam menjalankan tugas memproses permohonan, Jawatankuasa Pembiayaan ini hendaklah menentukan:
    - a) Borang-borang hendaklah diisi dengan lengkap dan ditandatangani bersekali dengan dokumen sampingan dan kenyataan yang menyokong permohonan;
    - b) Kelayakan pemohon, penjamin-penjamin dan saksinya;
    - c) Kesanggupan pemohon untuk memberi kuasa kepada majikannya supaya memotong gajinya untuk membuat bayaran pinjaman dan lain-lain caruman kepada Koperasi;
    - d) Pengesahan dokumen bagi tujuan permohonan;
    - e) Kedudukan baki pembiayaan yang sedia ada dan tertunggak;
    - f) Menyediakan senarai permohonan mengikut format yang ditentukan.
  - iii. Semua pemohon yang telah berjaya hendaklah membaca, meneliti, memahami dan menandatangani surat perjanjian pembiayaan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.
  - iv. Pemohon juga perlu membayar duti setem, Insurans, dan setem penjamin sepertimana yang telah ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta membayar wang proses sebanyak RM70.00.
  - v. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses dan dimaklumkan kepada pemohon.

**Keputusan  
Permohonan**

10. i. Lembaga boleh menimbangkan cadangan tempoh dan kaedah bayaran balik pembiayaan atau mengenakan syarat-syarat tertentu bagi pembiayaan tersebut.
- ii. Permohonan yang diluluskan hendaklah diberitahu segera kepada pemohon agar surat perjanjian pembiayaan dapat dilengkapi dengan sempurna oleh pemohon dan penjamin.
- iii. Adalah menjadi kuasa muktamad Lembaga untuk menolak sesuatu permohonan terhadap pembiayaan itu, menghadkan jumlah pembiayaan yang dipohon dan menolak mana-mana anggota daripada menjadi penjamin.
- iv. Pemohon tidak boleh menuntut bahawa pembiayaan ini adalah sebagai satu daripada hak-haknya seperti mana yang tersebut di bawah Undang-undang Kecil Koperasi.

**Kaedah  
Bayaran**

11. i. Semua pembayaran bagi pembiayaan Al Murabahah hendaklah dilakukan terus kepada pembekal luar sepertimana dipohon oleh anggota seberapa segera setelah diluluskan.
- ii. Sebelum bayaran dilakukan, JPengerusi, Setiasausaha dan Bendahari hendaklah memastikan bahawa:
- a) Surat-surat perjanjian pembiayaan telah lengkap dan ditandatangani oleh semua pihak yang berkenaan.
- b) Baucer pinjaman telah disiapkan untuk ditandatangani.
- c) Jumlah pembiayaan direkodkan di dalam sistem.
- iii. Pemohon hendaklah membayar ansuran melalui potongan gaji Bendahari UTM dan potongan gaji Koperasi UTM Berhad.


**Bayaran balik hutang atau pembiayaan dengan segera**

12. Keseluruhan jumlah pembiayaan atau baki pembiayaan hendaklah dibayar balik kepada Koperasi tanpa tunggakan dan tanpa sebarang alasan jika pemohon didapati:
- a) Berhenti atau diberhentikan daripada keahlian anggota;
  - b) Pembiayaan digunakan bagi sebarang tujuan selain daripada tujuan yang dinyatakan dalam borang permohonan; atau
  - c) Jika kedudukan pemohon dianggap meragukan.


**Kesan Kegagalan Membayar Balik**

13. Dalam keadaan di mana pemohon itu didapati gagal untuk membayar balik wang pembiayaan kepada Koperasi, Lembaga berhak memutuskan supaya jumlah wang yang masih belum dibayar itu ditolak daripada wang anggota yang diperolehi daripada modal yuran kecuali modal syer yang masih ada dan bakinya akan dituntut daripada pemohon atau warisnya.


Aturan Pembiayaan Al Murabahah ini telah dibentang dan diterima oleh Mesyuarat Agung Perwakilan pada 25 September 2021 secara atas talian melalui aplikasi Google Meet.



**TN. HJ. JOHARI BIN HASSAN**  
Pengerusi



**EN. ZULKEFLEE BIN ABU BAKAR**  
Setiausaha



**TN. HJ. NASIMIN BIN NGADI**  
Bendahari